

CNS1710

U GB 08-03 00156 BA908

BAH

Mahathir - Inggeris (Ulangan Menggantikan Berita Awal) '''

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Kelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris mungkin diwajibkan dalam peperiksaan jika mutu penguasaan bahasa itu di kalangan para pelajar terus merosot, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri yang bimbang dengan kemerosotan penggunaan bahasa Inggeris itu berkata bahawa penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia adalah amat penting sekali.

+Di zaman moden ini pengetahuan terhadap satu bahasa sahaja tidak mencukupi dan bahasa Inggeris diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa,+ katanya kepada pemberita di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap Kementerian Pendidikan, ibu bapa dan guru-guru mengambil tindakan perlu sebagai usaha meningkatkan pencapaian penggunaan bahasa Inggeris di kalangan para pelajar pada masa akan datang.

Katanya, cadangan untuk menjadikan kelulusan dalam bahasa Inggeris sebagai wajib dalam peperiksaan telah beberapa kali dibuat oleh beberapa pihak tetapi kerajaan belum lagi membuat keputusan mengenainya. -- Lagi.

♥08/03/18-47MST

CNS1712

U GB 08-03 00088 BA909

BAH

Mahathir - Inggeris 2 Kuala Lumpur (Menggantikan Berita Awal) '''

+Tetapi kalau keadaan merosot, mungkin kita terpaksa mengkaji untuk mewajibkan kelulusan mata pelajaran Bahasa Inggeris,+ tambah beliau.

Bahasa Inggeris sekarang ialah mata pelajaran wajib dalam peperiksaan tetapi tidak perlu lulus dalam peperiksaan untuk mendapat sijil. Sebagai contoh, seseorang pelajar yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peperiksaan SPM masih boleh lulus peperiksaan tersebut.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau menyerahkan kepada Kementerian Pendidikan untuk mengambil tindakan lanjut. -- Bernama.

♥08/03/18-49MST